

Malaysia mahu wujudkan kerjasama dua universiti

CHICAGO, Ahad - Malaysia berminat mewujudkan kerjasama erat dengan Universiti Motorola bagi melatih rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang teknologi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu boleh dilakukan menerusi Universiti Multimedia di Malaysia.

Berucap ketika melawat Pusat Motorola di Schaumburg, pinggir bandar raya ini hari ini, Dr Mahathir berkata banyak bidang baru dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat boleh diperoleh

menerusi kerjasama antara dua universiti itu.

Dalam bidang e-pembelajaran pula, rakyat Malaysia boleh mendapat manfaat daripada kemajuan yang dicipta Motorola.

Katanya, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad yang turut serta dalam lawatan itu akan mengkaji perkara itu.

Dalam lawatan separuh hari ke pusat itu, Dr Mahathir yang diiringi Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ah diberi taklimat mengenai kemajuan di pusat itu, menyaksikan demonstrasi pelbagai keluaran baru syarikat itu termasuk ke-

luaran produk Generasi Ketiga dan melawat Muzeum Motorola yang memamerkan pelbagai barangan yang cipta syarikat itu.

Produk Generasi Ketiga adalah ciptaan terbaru paling canggih dalam pelbagai bidang teknologi sejajar dengan moto syarikat "Menghubungkan mimpi manusia dengan janji-janji teknologi".

Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir diiringi Pengerusi dan Ketua Pegawai Operasi Motorola, Christopher B Galvin dan Naib Presiden Eksekutif dan Presiden Motorola bagi

rantau Asia Pasifik, C D Tam.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tertarik mengenai kemajuan dalam sistem telematik menerusi ciptaan peralatan yang boleh digunakan oleh pasukan polis.

Menerusi alat itu, pegawai polis tidak perlu melaporkan diri ke balai polis, sebaliknya mereka boleh mendapatkan data daripada alat yang dipasang dalam kenderaan dan terus mengambil tindakan.

Telematik ialah sistem yang menggabungkan alat selular dan sistem posisi global dalam kenderaan

berkomputer.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Motorola yang memberi keistimewaan pelaburan di Malaysia, terutama menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Motorola menyediakan pekerjaan kepada lebih 6,700 keuarga rakyat Malaysia, kedua terbesar selepas China yang mempunyai kira-kira 12,000 pekerja.

Bagaimanapun, dari segi peratusan jumlah penduduk berbanding China, bilangan pekerja di Malaysia adalah jauh lebih besar.